



# مايق

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak | Bil 14 | Edisi Kedua | 2014



## Majlis Penyerahan Cek Bantuan Hari Raya Aidilfitri 1435H



## Perasmian Sistem e-PZB



## Kembara MAIPK 2014

# Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah SWT. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW., penghulu segala nabi, keluarga baginda, para sahabat serta seluruh muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup.

Barangkali, persoalan yang sering bermain di benak fikiran sebahagian masyarakat adalah mengenai agihan zakat. Ini merupakan suatu isu yang sensitif. Pihak MAIPk yang bertanggungjawab untuk menguruskan agihan zakat, pasti mempunyai kecenderungan untuk menafikan persepsi sebahagian masyarakat mengenai kegagalan agihan zakat. Manakala pada pihak lain, mungkin mereka melihat bahawa agihan zakat terlalu banyak birokrasinya. Malah tidak keterlaluan dikatakan, ada suara-suara dari kalangan masyarakat yang menyarankan, agar wang zakat terus diagihkan sendiri tanpa melalui pihak MAIPk, lantaran tidak meyakini institusi zakat.

Secara ringkasnya yang boleh dicoretkan di sini, pengagihan zakat kepada lapan asnaf yang telah ditetapkan dalam Al-Quran meningkat saban tahun. Agihan zakat pada tahun 2010 iaitu RM65 juta meningkat kepada RM101 juta pada tahun 2013. Inshaallah, agihan zakat pada tahun 2014 ialah RM125.9 juta. Maklumat-maklumat mengenai agihan zakat boleh diperolehi melalui Wadah MAIPk, portal MAIPk dan sebagainya. Terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat yang memberi kepercayaan kepada pihak MAIPk untuk mengagihkan zakat kepada penerima yang layak.

Pihak MAIPk akan terus melakukan perubahan yang lebih baik dari semasa ke semasa untuk memperbaiki kecekapan pengagihan zakat. Di samping itu, pihak MAIPk mengalu-alukan sebarang pandangan dan cadangan daripada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**WAN ABDUL HALIM HAFIDZ BIN MOHD AMIN**

## Sidang Redaksi

Penasihat : **Dr. Amiruddin bin Muhamed**

Ketua Editor : **En. Wan Abdul Halim Hafidz b. Mohd Amin**

Editor : **En. Mohd Syakirin bin Jalaludin**

Jurufoto : **En. Khairil Anuar bin Mohd Mokhtar  
En. Mohd Sharizal bin Mat Sah**

Edaran : **Unit Perhubungan Korporat**

Diterbitkan oleh:  
**Unit Perhubungan Korporat  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
30000 Ipoh, Perak.  
Tel: 05-2084000  
Faks: 05-2414257**

Laman web: [www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)  
Emel: [korporat@maiamp.gov.my](mailto:korporat@maiamp.gov.my)  
Facebook: Zakat Perak - MAIPk

© Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Wadah MAIPk. Sidang Editor mengalu-alukan sebarang artikel dan penulisan yang bermanfaat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

## ISI KANDUNGAN

- 3 : **MEMPERTAHANKAN KEMURNIAN, KESUCIAN SERTA KEAGUNGAN SYIAR ISLAM ADALAH AMANAH**
- 4 : **PENYERAHAN CEK BANTUAN 'AIDILFITRI OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**
- 5 : **PENYERAHAN ZAKAT KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**
- 6 : **EXECUTIVE TALK: KESULTANAN MELAYU MELAKA**
- 6 : **LANGKAH - LANGKAH MENGHADAPI KEBAKARAN**
- 7 : **SISTEM E-POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (e-PZB) MEMUDAHKAN PEMBAYARAN ZAKAT**
- 7 : **ANUGERAH UNTUK PERKHIDMATAN MAIPK YANG CEMERLANG**
- 8-9 : **BERITA SANA SINI**
- 10-11 : **KEMBARA MAIPK 2014**
- 12 : **GOLONGAN ASNAF DAERAH MANJUNG DISANTUNI**
- 13 : **JENIS BANTUAN MAIPK**
- 14 : **INGIN MENJADI PENGUSAHA YANG BERJAYA**
- 15 : **WALAUPUN SAKIT, TETAP TERUS MEMBESARKAN ANAK-ANAK**
- 16 : **STATISTIK PUNGUTAN & AGIHAN ZAKAT MAIPK**

# Mempertahankan Kemurnian, Kesucian Serta Keagungan Syiar Islam adalah Amanah

**IPOH** – Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah dalam Persidangan Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak Kali Ke-187, menyeru umat Islam dan institusi yang diamanahkan dengan urusan hal ehwal Islam agar mempertahankan kemurnian, kesucian serta keagungan syiar Islam sebaik mungkin. Menurut baginda, tanggungjawab tersebut hendaklah disempurnakan secara bijaksana lagi bestari, baik dalam bentuk kata-kata yang diungkapkan.

“Mempertahankan kemurnian, kesucian serta keagungan syiar Islam adalah amanah serta tanggung jawab besar yang wajib disempurnakan sebaik mungkin dan tidak boleh dikompromikan. Tanggung jawab tersebut hendaklah disempurnakan secara bijaksana lagi bestari, baik dalam bentuk kata-kata yang diungkapkan begitu juga melalui tindak tanduk yang dilakukan oleh umat Islam, lebih-lebih lagi oleh institusi yang diamanahkan dengan urusan hal ehwal Islam. Umat Islam dan institusi yang berkaitan wajib memperlihatkan sebaik contoh teladan ketika memenuhi tanggung jawab yang telah diamanahkan dengan melaksanakannya secara amanah, jujur, adil lagi saksama. Umat Islam wajib mencerminkan minda berilmu dan berperibadi mulia. Imej Islam perlu dicerminkan melalui gerak kerja yang berlandaskan unsur-unsur keinsanan serta sifat-sifat kemanusiaan, bersandarkan hikmah – bersandarkan timbang rasa. Keagungan Agama Islam jangan sama sekali dicemarkan kerana adanya tindak tanduk bersifat impulsif lagi ofensif yang didorong naluri; sesungguhnya tindak tanduk sedemikian amat tidak bijaksana.

Warga di negara Malaysia terdiri dari pelbagai agama, kaum dan budaya. Hakikat ini wajib diterima dan amat perlu difahami. Islam bukan sahaja pegangan aqidah beragama; Islam adalah addin, budaya dan tata cara adab kehidupan yang lebih menyeluruh. Islam amat mengutamakan keadilan – mementingkan keharmonian - menganjur perdamaian; dan sama sekali tidak membenarkan perlakuan berunsur penindasan. Untuk itu umat Islam dan institusi yang bertanggung jawab dalam hal ehwal Islam perlu peka kepada sensitiviti penganut agama lain. Pada masa yang sama, orang-orang bukan Islam pula wajib memahami serta menghormati sensitiviti umat Islam. Mereka hendaklah sensitif akan perasaan umat Islam apabila mereka memilih untuk mengupas apatah lagi ketika mereka memilih untuk mengkritik secara terbuka perkara-perkara menyentuh hukum hakam Islam serta seruan ILAHI yang terkandung di dalam Al-Quran, begitu juga panduan kehidupan yang terkandung di dalam Sunah Rasul. Membina keharmonian adalah tanggung jawab kolektif semua warga. Oleh itu perbuatan tidak melanggar batasan dan tidak menyeberangi sempadan antara agama, wajib dihormati oleh setiap warga pada setiap masa.” titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Persidangan Ke-187 Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak di Dewan Persidangan Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 12 Jun 2014.

DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah turut menzahirkan ucapan terima kasih buat kerajaan negeri, anggota tentera, anggota polis, agensi kerajaan dan sebagainya yang terlibat dalam urusan pengendalian pemakaman ayahanda baginda, Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.



# Penyerahan Cek Bantuan 'Adilfitri MAIPk oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan



◆ DAERAH KINTA

◆ DAERAH KAMPAR



◆ DAERAH MANJUNG



◆ DAERAH SELAMA



◆ DAERAH LENGGONG



◆ DAERAH PARIT BUNTAR



# Penyerahan Zakat Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan

◆ Jun 2014 (RM4.58 Juta)



◆ Julai 2014 (RM13.78 Juta)



# Executive Talk: Kesultanan Melayu Perak

IPOH – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Program *Executive Talk* bertajuk Kesultanan Melayu Perak yang disampaikan oleh YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Hj. Wan Fadzir bin Hj. Wan Hussain, Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar pada 23 Jun 2014 bertempat di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan. Program tersebut turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs Dr. Amiruddin bin Muhamed dan Orang Besar Jajahan Manjung, YBhg. Dato' Ab. Wahab bin Dato' Azizul Hassan. Peserta-peserta program ini terdiri daripada pekhidmat-

pekhidmat dari kalangan Jabatan Agama Islam Perak, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak serta MAIPk.

Dalam program tersebut, YABhg. Dato' Seri Hj. Wan Fadzir bin Hj. Wan Hussain menjelaskan peranan serta fungsi Institusi Raja, Institusi Dewan Negara, Institusi Orang Besar dan Orang Besar Jajahan dalam Negeri Perak. Selain itu juga, beliau turut menjelaskan salasilah keturunan Kesultanan Negeri Perak untuk difahami oleh para peserta.



## Langkah-Langkah Menghadapi Kebakaran



IPOH – MAIPk telah menganjurkan program Taklimat Keselamatan Bangunan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Negeri Perak pada 18 Jun 2014 bertempat di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR). Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Bomba dan Penyelamat Ipoh iaitu Encik Abdul Rahim. Taklimat tersebut bertujuan memberi pendedahan dan latihan kepada warga KIDR

tentang tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kebakaran. Ini juga penting untuk memastikan warga KIDR sentiasa berwaspada dan peka terhadap amaran kecemasan di samping mengetahui tindakan segera yang perlu dilaksanakan. Di samping itu, warga KIDR perlu mengetahui mengenai laluan kecemasan yang perlu digunakan ketika berlaku sebarang kebakaran di KIDR.

# Sistem E-Potongan Zakat Berjadual (e-PZB) Memudahkan Pembayaran Zakat

**IPOH** – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak telah menganjurkan Majlis Perasmian dan Pelancaran Sistem e-Potongan Zakat Berjadual (e-PZB) peringkat Negeri Perak. Majlis ini diadakan pada 19 Mei 2014 bertempat di Dewan Bankuet, Kompleks Pentadbiran Negeri, Bangunan SUK, Ipoh. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan. Turut menghadiri majlis ini ialah YB. Pegawai Kewangan Negeri Perak, Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Mohamed. Ketua-ketua jabatan peringkat Negeri dan Persekutuan di seluruh Negeri Perak dijemput memeriahkan lagi majlis ini.

e-PZB adalah suatu kaedah untuk menunaikan kewajipan berzakat secara lebih sistematik dan pantas setelah pembayar melakukan sendiri taksiran pendapatannya terhadap semua jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat setelah memenuhi syarat-syaratnya. Pengenalan e-PZB merupakan sistem atas talian (*online*) yang dibangunkan oleh MAIPk untuk memberikan kemudahan dan kesenangan kepada pembayar serta majikan untuk menyempurnakan amalan berzakat.

Keistimewaan e-PZB ini ialah masyarakat tidak perlu mengeluarkan jumlah wang yang besar secara sekaligus untuk membayar zakat, melayakkan untuk mendapat rebat 100 peratus daripada jumlah cukai pendapatan tahunan, membolehkan pembayar menyemak serta mencetak sendiri penyata pada bila-bila masa, membolehkan pelbagai jenis zakat (zakat simpanan, emas, perniagaan, saham dan lain-lain) dibayar mengikut kaedah yang sama dan menerima maklumat terkini serta berita-berita semasa daripada pihak MAIPk melalui e-mel. Laman web e-PZB boleh dilayari di [epzb.maiamp.gov.my](http://epzb.maiamp.gov.my).

Dalam majlis tersebut, YB. Dato' Seri Abdul Puhat Bin Mat Nayan telah menyampaikan tiga anugerah

khas kepada agensi-agensi yang aktif iaitu Anugerah Kecemerlangan Pekerja kepada wakil Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSII) iaitu Dr. Ibrahim bin Hashim, Anugerah Khas Majikan kepada wakil Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar iaitu Ustaz Hamdi Rahman bin Mohd Yaakob dan Anugerah Majikan Cemerlang kepada wakil Petronas iaitu Puan Sazyla binti Muhamed Salim.



## Anugerah untuk Pekhidmat MAIPk yang Cemerlang

**IPOH** – Bagi menghargai jasa dan komitmen para pekhidmat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), pihak MAIPk telah mengadakan satu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Terpuji bagi tahun penilaian 2013 pada 05 Jun 2014 bertempat di Dewan Al-Ghazali, Tingkat 2 Kompleks Islam Darul Ridzuan. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, bacaan doa dan seterusnya ucapan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dr. Amiruddin bin Muhamed.

Dalam majlis ini, seramai 25 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 20 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji, dua orang pekhidmat MAIPk yang sudah lama berkhidmat menerima Hadiah Menunaikan Haji dan dua pekhidmat MAIPk menerima Anugerah Daya Inovasi.



# Berita Sana-Sini



1. Sijil Kursus Asas Kimpalan selama tiga bulan mulai 12 Mei 2014 untuk anak-anak Asnaf di Akademi Binaan Malaysia, Sintok, Kedah.

2. Perasmian Kedai Dobi Halal oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang diuruskan oleh Asnaf di Fair Park, Ipoh pada 26 Jun 2014.

3. Program Permerkasaan Asnaf oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan kerjasama Persatuan Bekas Pelajar Sekolah Izuddin Shah Ipoh, Selangor dan Kuala Lumpur pada 28 Jun 2014.

4. Taklimat Amil Fitrah Daerah Kinta pada 03 Julai 2014.

5. Ziarah Ramadhan dan Sumbangan Hari Raya 'Aidilfitri oleh Eksekutif Zakat (Agihan) Daerah Ipoh pada 11 Julai 2014.

6. Penyerahan Sumbangan MAIPK kepada Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Daerah Kinta serta Jualan Raya Asnaf pada 16 Julai 2014.





7



10



8



11



9 12




7. Program Jejak Asnaf Daerah Taiping pada 22 Julai 2014.
8. Pemberian Bantuan Modal Daerah Batu Gajah pada 24 Julai 2014.
9. Penyerahan cek zakat perniagaan bagi Petubuhan Peladang Kawasan Senggang/ Manong pada 12 Ogos 2014.

10. Majlis Ramah Mesra Bersama Bakal Para Pelajar Anak Perak Ke Timur Tengah
11. Taklimat Zakat di Amanah Ikhtiar Malaysia, Cawangan Kuala Kangsar pada 26 Ogos 2014
12. Jaulah Asnaf Daerah Kuala Kangsar pada 27 Ogos 2014.

# Kembara MAIPk 2014



1. Program Eksekutif Talk Zakat bersama-sama dengan pekhidmat sektor awam Daerah Slim River.



2. Perasmian Kembara MAIPk 2014 oleh Orang Besar Jajahan Batang Padang.

HARI PERTAMA  
20 MEI 2014



3. Penerima-penerima Bantuan Bina Rumah, Baik Pulih Rumah dan Persekolahan Daerah Batang Padang bergambar dengan OBJ Batang Padang.



4. Ziarah Penerima Bantuan Bina Rumah di Kg. Kuala Slim.



1. Penyampaian Bantuan Bina Rumah Muallaf dan Bantuan Peralatan di Kampung Orang Asli Batu 14, Jalan Pahang, Tapah.



2. Ziarah Anak-Anak Yatim di Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim Darul Aitam, Temoh untuk pemberian Bantuan Pembangunan Islam.

HARI KEDUA  
21 MEI 2014



3. Ziarah Penerima Bantuan Perubatan di Trolak Selatan.



4. Ceramah Perdana oleh Ustaz Haryanto di Masjid Aziziah, Hutan Melintang.



1. Eksekutif Talk mengenai Wakaf Tunai oleh Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor



2. Penyampaian Bantuan Persekolahan, Pembangunan Islam dan Sijil Penghargaan Wakaf Daerah Teluk Intan

**HARI KETIGA  
22 MEI 2014**



3. Program Gotong Royong Masjid dan Kubur bersama-sama dengan Kariah Masjid Jamek Batak Rabit



1. Eksekutif Talk mengenai Zakat dan Wakaf untuk pekhidmat-pekhidmat sektor awam Daerah Kg. Gajah.

**HARI KEEMPAT  
23 MEI 2014**



2. Penyampaian Bantuan Persekolahan, Bulanan, Bina dan Baik Pulih Rumah serta Perasmian Penutup Kembara MAIPk 2014 oleh Orang Besar Jajahan Perak Tengah

# Golongan ASNAF

## Daerah Manjung Disantuni



**MANJUNG** – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Program Jejak Asnaf bagi Daerah Manjung pada 08 Mei 2014 bersamaan 08 Rejab 1435H. Tujuan program ini diadakan bagi mencari asnaf-asnaf fakir dan miskin yang memerlukan bantuan tetapi tidak mempunyai maklumat dan capaian kepada pihak MAIPk. Program ini dianjurkan oleh Pejabat MAIPk Manjung dengan kerjasama Penghulu Mukim Pantai Remis serta ketua-ketua kampung Pantai Remis. Program ini direncanakan dengan kerjasama ketua-ketua kampung bagi membantu pihak MAIPk turun padang mencari dan mendekati golongan asnaf ini. Program sebegini dilihat sebagai aktiviti serampang dua mata kepada pihak MAIPk dalam usaha memberi bantuan dan mempromosikan agihan zakat itu sendiri kepada masyarakat.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin bin Muhamed dan Penolong Setiausaha Bahagian Zakat, Ustaz Bakri bin Lee bersama-sama Skwad Prihatin Asnaf MAIPk turut hadir bagi menjayakan program ini. Ketika lawatan diadakan, pihak MAIPk menyampaikan bantuan berupa barangan dapur serta tunai bagi meringankan sebahagian bebanan yang ditanggung oleh mereka. Semoga dengan cara ini, harapan pembayar-pembayar zakat tertunai apabila asnaf Fakir dan Miskin disantuni dan dibantu oleh MAIPk.

## ◆ PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI

Bil.	Jenis Bantuan	Skop Bantuan
1.	Bantuan Modal	<p>a) Skop bantuan modal meliputi perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modal pusingan dalam bentuk kewangan, pembekalan barangan dan lain-lain;</li> <li>ii. Peralatan Perniagaan; dan</li> <li>iii. Melantik juru perunding bagi mengendalikan program pembangunan usahawan asnaf meliputi latihan, bimbingan, pengawasan atau pemantauan dan khidmat nasihat atau kaunseling.</li> </ol> <p>b) Bidang perekonomian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Perniagaan</li> <li>ii. Pertanian</li> <li>iii. Perikanan</li> <li>iv. Penternakan</li> <li>v. Pembuatan</li> <li>vi. Perkhidmatan</li> </ol>

## ◆ PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN

Bil.	Jenis Bantuan	Skop Bantuan
1.	Program Kursus Dan Latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skop kursus atau latihan yang boleh dilaksanakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kursus motivasi;</li> <li>ii. Program keagamaan;</li> <li>iii. Program akademik;</li> <li>iv. Latihan kemahiran atau perkembangan teknologi;</li> <li>v. Program yang dapat membentuk perubahan sikap melalui pendidikan sosial dan kerohanian; dan</li> <li>vi. Lain-lain program ke arah pembangunan insan.</li> </ol> </li> </ul>
2.	Sumbangan Kepada Organisasi/Institusi Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skop sumbangan kepada Organisasi Islam/Institusi Agama yang boleh dilaksanakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kursus motivasi;</li> <li>ii. Program keagamaan;</li> <li>iii. Program akademik;</li> <li>iv. Latihan kemahiran atau perkembangan teknologi; dan</li> <li>i. Lain-lain program ke arah pembangunan insan.</li> </ol> </li> </ul>
3.	Sumbangan Kebajikan Kepada Pasukan Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Skop aktiviti dakwah yang boleh dilaksanakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kursus motivasi;</li> <li>ii. Program keagamaan;</li> <li>iii. Program akademik; dan</li> <li>iv. Lain-lain program ke arah pembangunan insan.</li> </ol> </li> <li>• Kadar sumbangan adalah sebanyak 1/8 daripada kutipan zakat fitrah agensi terbabit.</li> </ul>

# Ingin Menjadi Pengusaha Yang Berjaya

WALAUPUN pada awalnya kehidupan susah, beliau tetap gigih berusaha untuk berjaya dalam kehidupan. Ikuti pengalaman serta harapan pengusaha *Muslimah Beauty & SPA* di Taman Song Choon iaitu Puan Syarifah Junaidah Binti Syed Idrus Al-Jamalullail berhubung perkara ini ketika ditemubual oleh Cik Nurul Fatin Nadiah binti Mat A'isa, Wartawan Wadah MAIPk.

## Latar Belakang Sebelum Terima Bantuan MAIPk

"Saya berasal dari sebuah kampung yang terletak lebih kurang 20km daripada pekan Sungai Siput. Hasil daripada perkahwinan, saya telah dikurniakan dengan tiga orang cahaya mata. Walau bagaimanapun, ujian besar telah menimpa saya sekeluarga pada tahun 2000 apabila suami tersayang telah pergi menghadap Illahi.

Tanggungjawab ketua keluarga telah dipikul oleh saya bagi meneruskan kehidupan bersama-sama dengan anak-anak. Kami pernah mengikat perut selama empat hari berturut-turut kerana kehabisan beras serta anak-anak tidak bersekolah kerana ketiadaan wang untuk membeli peralatan persekolahan. Oleh yang demikian, saya terpaksa melakukan dua pekerjaan sehari iaitu berkerja di kilang serta mengambil upah mencuci pinggan mangkuk di kantin sekolah. Kadang-kadang, saya mengambil upah urutan dan penjagaan untuk wanita lepas bersalin.

## Program My Asnaf Kerja MAIPk

"Pada awalnya anak saya, Farah, telah mengikuti satu program kemahiran asnaf di bawah MAIPk yang diadakan di Bangi. Melalui program tersebut, telah membuka pengetahuan Farah dan mengajak saya untuk membuka perniagaan memberi perkhidmatan urutan dan penjagaan wanita terutama yang lepas bersalin.

## Bantuan Yang Diperolehi

"Bersyukur kepada Allah S.W.T, pihak MAIPk menerima cadangan dan memberikan kerjasama dan bantuan kepada saya untuk membangunkan perniagaan yang dikenali dengan *Muslimah Beauty and Spa*. Saya telah memperolehi pendapatan yang memuaskan daripada sebelum ini. Melalui pelbagai pakej serta perkhidmatan yang saya tawarkan telah menarik orang ramai datang ke tempat saya. Saya masih meneruskan perkhidmatan ke rumah untuk urutan dan penjagaan wanita lepas bersalin.

## Harapan Dan Cita-Cita Pada Masa Hadapan

"Pertama sekali, saya berdoa dan berusaha untuk keluar daripada golongan asnaf dan dapat memberikan sumbangan kepada asnaf-asnaf yang lain dengan mengeluarkan zakat. Di samping itu juga, *Muslimah Beauty & SPA* dikenali di seluruh Negeri Perak dan Malaysia serta menjadi contoh dan inspirasi kepada asnaf-asnaf yang lain untuk berjaya.



# Walaupun Sakit, Tetap Terus Membesarkan Anak-Anak

Ujian yang menimpa diri dan keluarganya, tidak mematahkan semangat dan hasratnya membesarkan anak-anak. Hadapi ujian kesusahan, keperitan, kesedihan dan sebagainya dengan penuh kesabaran dan kesyukuran. Syukur pada Allah, terdapat sebahagian masyarakat serta agensi-agensi kerajaan membantu mereka mengharungi kehidupan ini. Ikuti perkongsian serta harapan kehidupan keluarga Puan Saliza binti Mohd Desa yang ditemubual oleh Cik Nurul Fatim Nadiyah binti Mat A'isa, wartawan Wadah MAIPk.

## Latar Belakang Keluarga

Puan Saliza mempunyai sembilan orang anak, enam perempuan dan tiga lelaki. Ketika ini, lima orang anak di bawah jagaan saya dan empat orang anak lagi telah diserahkan kepada ayah serta saudara mara kerana tidak mampu untuk menanggung mereka."

"Suami saya cuma bekerja sebagai seorang buruh dengan mengambil upah mengecat bangunan

dengan syarikat swasta. Saya tidak mampu untuk membantu suami mencari nafkah kerana mengalami pelbagai penyakit yang kronik seperti serangan jantung, darah tinggi dan kencing manis. Rawatan kencing manis memerlukan saya membuat suntikan ubat sendiri di rumah. Ujian penyakit-penyakit ini memerlukan saya pergi ke klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan serta ubat-ubatan."

## Keadaan Sebelum Mendapat Bantuan

Puan Saliza tinggal di rumah yang uzur dan usang. Apabila rumah ditiup oleh angin yang kuat, rumah hampir roboh. Elektrik di rumah tiada, hanya menggunakan lilin untuk menyinari kehidupan malam. Air bersih juga tiada dan menyebabkan mereka sekeluarga menggunakan air telaga bagi kegunaan harian.

Kesusahan tidak menghalang anak-anak untuk ke bersekolah. Walaupun menghadapi pelbagai masalah dari segi pembayaran yuran, peralatan, pakaian dan belanja seharian sekolah yang serba kurang, dugaan ini tidak menghalang Puan Saliza dan suaminya terus menyediakan kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka.

## Bantuan-Bantuan Yang Diterima

"Saya sekeluarga amat bersyukur kerana mendapat bantuan bina rumah melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPBR), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Selain itu juga, MAIPk banyak memberi bantuan seperti bantuan bulanan, keperluan persekolahan dan bantuan perubatan. Saya tidak tahu nak kata apa lagi, gembira apabila melihat anak-anak saya dapat bersekolah dengan keadaan yang lebih baik."

## Harapan

"Saya bersyukur dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada MAIPk kerana membantu meringankan kesusahan keluarga yang dialami. Semoga pembayar-pembayar zakat serta kebajikan yang dilakukan oleh masyarakat diganjar oleh Allah SWT."



## BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT HARTA BAGI BULAN JANUARI-OGOS 2014

Bil	DAERAH	BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT HARTA								JUMLAH
		2014								
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	
1	Bagan Serai	210	182	73	78	46	30	193	209	1,021
2	Batu Gajah	195	106	65	82	48	55	227	53	831
3	Gerik	96	51	35	48	32	25	132	26	445
4	Ibu Pejabat	803	469	419	388	285	311	1,488	352	4,515
5	Kampar	71	47	30	40	25	40	123	26	402
6	Kampung Gajah	262	37	36	25	18	37	320	41	776
7	Kuala Kangsar	302	158	152	137	92	122	362	96	1,421
8	Lenggong	42	36	16	21	14	17	54	15	215
9	Manjung	378	211	240	232	156	131	501	124	1,973
10	Parit Buntar	207	161	78	80	54	82	366	90	1,118
11	Pengkalan Hulu	24	9	10	11	9	9	38	3	113
12	Selama	48	36	18	30	21	19	75	26	273
13	Seri Iskandar	205	130	96	101	61	62	257	101	1,013
14	Slim River	125	83	57	70	37	45	140	53	610
15	Taiping	447	241	212	193	133	151	625	163	2,165
16	Tapah	223	105	101	82	69	80	241	56	957
17	Teluk Intan	313	134	136	125	187	158	470	115	1,638
18	UTC Perak	207	150	159	142	130	136	236	89	1,249
<b>JUMLAH</b>		<b>4,158</b>	<b>2,346</b>	<b>1,933</b>	<b>1,885</b>	<b>1,417</b>	<b>1,510</b>	<b>5,848</b>	<b>1,638</b>	<b>20,735</b>

## BILANGAN STATISTIK BANTUAN PELAJARAN TAHUN 2014

BIL	DAERAH	IJAZAH	DIPLOMA	SIJIL	JUMLAH
1	Ibu Pejabat	942	1,144	382	2,468
2	Batu Gajah	194	206	76	476
3	Kampar	122	145	51	318
4	Tapah	702	753	243	1,698
5	Slim River	84	74	20	178
6	Seri Iskandar	196	230	79	505
7	Manjung	443	449	191	1,083
8	Kampung Gajah	154	141	51	346
9	Teluk Intan	424	451	183	1,058
10	Kuala Kangsar	430	449	207	1,086
11	Lenggong	50	84	34	168
12	Gerik	170	160	52	382
13	Pengkalan Hulu	44	46	23	113
14	Taiping	237	167	48	452
15	Selama	106	86	45	237
16	Bagan Serai	303	267	150	720
17	Parit Buntar	295	267	144	706
<b>JUMLAH</b>		<b>4,896</b>	<b>5,119</b>	<b>1,979</b>	<b>11,994</b>